

PERLINDUNGAN
AIA Infinite Khazanah

AIA Infinite

Vitality Bonus
dengan
AIA Vitality



aia.com.my



LESTARI KHAZANAH MELANGKAUI BATAS, KEBERKATAN BERTERUSAN

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/PRODUK TAKAFUL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

AIA PUBLIC Takaful Bhd.
Ahli PIDM

PELIHARA *KHAZANAH*, KONGSI *BARAKAH*

Anda telah berusaha gigih untuk membina kekayaan berlandaskan disiplin, integriti dan iman. Setiap pencapaian bukan sekadar satu kejayaan, tetapi sebuah *amanah* yang dipertanggungjawabkan kepada anda.

Dengan perubahan hidup, menjaga legasi anda menjadi lebih daripada sekadar perancangan kewangan — ia menjadi satu tanggungjawab. Melalui *hibah* yang berstruktur dan penyelesaian patuh Syariah, anda dapat memastikan kejelasan pada masa kesukaran, dan *barakah* yang berterusan selepas kita tiada.



AIA | Infinite

Di AIA PUBLIC TAKAFUL Bhd., kami percaya bahawa legasi anda lebih daripada sekadar kekayaan — ia adalah kisah anda, nilai yang anda junjung, dan hasrat anda untuk generasi akan datang. Dengan **AIA Infinite Khazanah**, *Khazanah* anda terus memberikan *barakah* — melindungi orang tersayang, menyokong komuniti, dan meninggalkan impak yang bermakna untuk generasi akan datang.

AIA Infinite Khazanah menyediakan ciri diindeks mata wang asing eksklusif, membolehkan perlindungan anda diindeks mengikut mata wang utama dunia seperti Dolar Amerika Syarikat (USD), Dolar Singapura (SGD), Pound Sterling British (GBP), Dolar Australia (AUD) dan Yuan Renminbi China (CNY).

Ini memperkasa anda untuk memastikan perlindungan anda dalam mata wang yang paling sesuai dengan pandangan global anda dan menyediakan ketahanan terhadap ketidakstabilan ekonomi. Dengan 100% pengagihan caruman dan akses kepada dana yang diurus secara profesional dan patuh Syariah, perjalanan kewangan anda diselia dengan keyakinan, kejelasan, dan tujuan jangka panjang.

MEMPERKASA *KHAZANAH* ANDA DENGAN KEYAKINAN SELARAS SYARIAH



PELBAGAIKAN KEKAYAAN ANDA DENGAN PILIHAN MATA WANG GLOBAL

- Perlindungan Diindeks Mata Wang Asing**
 Pilih daripada enam jenis mata wang – RM, USD, SGD, GBP, AUD, dan CNY – untuk memperkukuh dan mempelbagaikan portfolio perancangan legasi anda. Apabila anda memilih mata wang asing untuk amaun perlindungan anda, manfaat sijil anda akan dibayar dalam amaun bersamaan RM bagi USD/SGD/GBP/AUD/CNY, berdasarkan mata wang pilihan anda. Yang menariknya, kadar mata wang pada tarikh permulaan akan dikunci dan menjadi kadar minimum untuk sijil anda, memberi anda keyakinan dalam mengekalkan nilai merentasi kitaran ekonomi yang berbeza.



PERCEPATKAN POTENSI KEKAYAAN ANDA

- Peruntukan Caruman 100%**
 Maksimumkan potensi pertumbuhan anda dengan 100% caruman anda dilaburkan sepenuhnya dari hari pertama ke dalam dana patuh Syariah kami. Ini memberikan anda akses segera kepada pertumbuhan pelaburan yang berpotensi dan menyokong pengumpulan kekayaan jangka panjang yang berdisiplin.
- Bonus Khas untuk Meningkatkan Nilai Legasi Anda**
 Tingkatkan legasi anda melalui satu siri bonus seperti Loyalty Bonus, Maturity Bonus dan Vitality Bonus yang direka untuk mengiktiraf komitmen anda terhadap disiplin kewangan dan kesihatan. Bersama-sama, manfaat ini memperkukuhkan nilai perlindungan kekayaan anda sambil membantu anda membina legasi yang lebih berimpak dan merentas generasi.



FLEKSIBILITI LEBIH BESAR DALAM PERJALANAN KEKAYAAN

- Tempoh Bayaran Caruman & Tempoh Perlindungan yang Fleksibel**
 Reka pelan anda untuk disesuaikan dengan matlamat kewangan anda. Pilih tempoh pembayaran caruman dan tempoh perlindungan yang anda inginkan untuk kawalan yang lebih baik ke atas strategi kekayaan anda.

Tempoh Bayaran Caruman	Caruman Tunggal, 5 tahun atau 10 tahun
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur 80*, 100* atau 120 tahun

*Pemilihan umur 80 dan 100 akan secara automatik dilanjutkan sehingga umur 120, tertakluk kepada ketersediaan nilai akaun.

- Akses Penuh Kekayaan dengan Perlindungan Cover Reset**
 Nikmati kebebasan untuk mengakses kekayaan anda bila perlu, sambil mengekalkan perlindungan anda. Selepas pengeluaran, perlindungan anda akan dipulihkan secara automatik selepas 2 tahun dari tarikh pengeluaran separa melalui ciri *Cover Reset*. Ciri ini hanya boleh digunakan sekali sepanjang tempoh sijil anda, memberikan anda kebebasan tanpa mengorbankan perlindungan jangka panjang.



LINDUNGI LEGASI ANDA DENGAN MUDAH

- Hadiah kasih sayang melalui Hibah Bersyarat**
 Berikan orang tersayang anda *hibah* bersyarat, cara yang selaras dengan Syariah untuk menyalurkan harta secara langsung, cepat dan tanpa kesulitan. Ini membantu menunaikan *amanah* anda dan memastikan keluarga anda menerima sokongan seperti yang anda niatkan.
- Death Benefit Bequest Option**
 Pilih bagaimana legasi anda disampaikan—sama ada sebagai bayaran sekaligus atau ansuran tahunan sehingga 10 tahun. Percayakan AIA PUBLIC Takaful Bhd. sebagai rakan anda, membantu anda memelihara, mengurus, dan mengagihkan harta anda dengan integriti, ketelusan, dan *barakah*—tanpa kos tambahan.



JADIKAN PERLINDUNGAN BERMAKNA DENGAN BERKAT SAMA-SAMA

- Tinggalkan Legasi dengan Pilihan Kebajikan**
 Peruntukkan sebahagian daripada pembayaran perlindungan anda untuk tujuan kebajikan atau wakaf yang sejajar yang membolehkan legasi anda memberi manfaat kepada masyarakat dan mencipta impak yang bermakna.
- Kongsi Lebihan Anda, Ubah Hidup**
 Salurkan kekayaan anda ke arah tujuan yang bermakna dengan menyumbangkan sebahagian lebihan anda dari Dana Risiko Peserta kepada Tabung Amal AIA Penyala Harapan.

Bersama-sama, kita melindungi nyawa, memperkasakan masyarakat dan mencipta harapan. Itulah semangat **Berkat Sama-Sama**.



AKSES LEBIH PANTAS UNTUK PERLINDUNGAN KEKAYAAN ANDA

- Taja Jamin Eksklusif**
 Nikmati had penilaian standard global yang tinggi — sehingga USD 3 juta, tertakluk kepada pengisytiharan kesihatan. Ini memberikan anda akses yang lebih pantas dan efisien kepada perlindungan — terutamanya apabila masa memainkan peranan penting dalam memelihara strategi kekayaan anda.
- Kadar Keutamaan untuk Amalan Gaya Hidup Sihat**
 Nikmati taja jamin eksklusif dengan potongan *Tabarru'* yang lebih rendah sepanjang tempoh perlindungan anda jika anda memenuhi kriteria perubahan yang ditetapkan oleh kami. Ini membantu lebih banyak *khazanah* anda kekal terpelihara, dilindungi, dan berorientasikan tujuan.

PERLINDUNGAN DIINDEKS MATA WANG ASING – TETAPKAN PERLINDUNGAN ANDA DENGAN KADAR PERTUKARAN HARI INI

BAGAIMANA IA BERFUNGSI?

LANGKAH

1

Pilih mata wang pilihan anda (RM/USD/SGD/GBP/AUD/CNY) dan tentukan jumlah yang anda ingin tinggalkan sebagai legasi kepada orang tersayang.

Contoh: Anda ingin meninggalkan GBP 2 juta sebagai legasi kepada orang tersayang.

LANGKAH

2

Tukar kepada RM– untuk sijil dengan jumlah dilindungi yang dipilih dalam USD/SGD/GBP/AUD/CNY.

Jumlah Perlindungan Asas AIA Infinite Khazanah akan diperoleh dengan mendarabkan jumlah perlindungan dengan kadar pertukaran mata wang pilihan anda.

Contoh: Kadar Pertukaran Mata Wang Semasa GBP yang digunakan untuk bulan ini ialah 5.0. AIA Infinite Khazanah akan bermula pada Jumlah Perlindungan Asas minimum RM 10 juta.

Jumlah Perlindungan Asas sijil akan berubah dengan Kadar Pertukaran Mata Wang Semasa.

LANGKAH

3

Jika berlaku kematian / diagnosis penyakit terminal, terima pembayaran dalam amaun bersamaan RM bagi mata wang pilihan anda.

Manfaat kematian / penyakit terminal akan dibayar dalam RM, dengan mendarabkan jumlah perlindungan yang dipilih dengan Kadar Pertukaran Mata Wang Semasa negara yang dipilih pada masa tuntutan.

Senario 1: Kadar Pertukaran Mata Wang Semasa GBP pada masa tuntutan ialah 5.5, manfaat kematian / penyakit terminal¹ yang dibayar ialah RM 11 juta / RM10 juta² masing-masing.

Senario 2: Kadar Pertukaran Mata Wang Semasa GBP pada masa tuntutan ialah 3.0, manfaat kematian / penyakit terminal¹ yang dibayar ialah RM 10 juta².

¹ Manfaat Penyakit Terminal mempercepatkan pembayaran manfaat kematian sijil anda, tertakluk kepada had hayat RM 10 juta.

² Dengan andaian bahawa nilai akaun sijil anda adalah lebih rendah daripada Jumlah Perlindungan Asas.


Nota: Kadar Pertukaran Mata Wang Semasa merujuk kepada kadar pertengahan yang tersedia pada sesi 5:00 petang seperti yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada hari perniagaan terakhir bulan sebelumnya.



LEGASI ANDA, MASA DEPAN MEREKA

Amir, berumur 50 tahun, telah berkahwin dan mempunyai seorang anak perempuan sahaja. Bagi menjamin masa depan keluarganya sekiranya beliau meninggal dunia, beliau menyertai **AIA Infinite Khazanah** dengan jumlah perlindungan sebanyak GBP 2 juta dan menamakan anaknya sebagai hadiah kasih sayang melalui *hibah* bersyarat.

Walau bagaimanapun, beliau bimbang tentang keupayaan keluarganya untuk mengendalikan harta pusaka yang besar. Oleh itu, beliau memilih *death benefit bequest option* untuk mengagihkan manfaat kematiannya selama 10 tahun, bagi memastikan kestabilan kewangan jangka panjang keluarganya.




³ Dengan andaian bahawa Kadar Pertukaran Mata Wang Semasa GBP ialah 5.5 pada masa tuntutan dan nilai akaun adalah lebih rendah daripada jumlah perlindungan asas sijil.

Amaun yang perlu dibayar dikira dengan mendarabkan Manfaat Kematian yang perlu dibayar dengan Faktor *Death Bequest* yang berkaitan. Sila rujuk kontrak sijil untuk butiran penuh.

LEGASI YANG TERUS HIDUP MELANGKAUI HAYAT ANDA

Fariz, berusia 60 tahun, menyertai **AIA Infinite Khazanah** dengan amaun perlindungan sebanyak RM 5 juta. Beliau berhasrat untuk memenuhi niat *sadaqah jariyah* sambil memastikan jumlah yang signifikan tetap terpelihara untuk keluarganya. Oleh itu, beliau memilih pilihan kebajikan— satu pendekatan yang jelas, patuh Syariah dan mudah diurus, yang membolehkan beliau menyalurkan sebahagian daripada manfaat kematian kepada organisasi kebajikan pilihan selepas pemergiannya.



* Tabung AIA Penyala Harapan yang ditubuhkan oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd. berfungsi sebagai dana khusus untuk menyokong inisiatif komuniti yang bermakna. Program pertamanya —Biasiswa AIA Penyala Harapan— membantu pelajar Malaysia melanjutkan Pendidikan ke peringkat pengajian tinggi.

Sebagai alternatif, beliau boleh memilih untuk menyalurkan sebahagian daripada manfaat kematian kepada organisasi Wakaf yang dilantik oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd.

² Dengan andaian bahawa nilai akaun sijil anda lebih rendah daripada jumlah perlindungan asas sijil.

KEBEBASAN UNTUK MENETAPKAN SEMULA PERLINDUNGAN ANDA

Apakah *Cover Reset*?

Pengeluaran nilai akaun sijil anda boleh mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas anda. Ciri *Cover Reset* akan meningkatkan Jumlah Perlindungan Asas berdasarkan jumlah pengeluaran, tertakluk kepada 20% daripada Jumlah Perlindungan Asas⁴. Ciri ini akan berkuat kuasa secara automatik pada ulang tahun ke-2 sijil dari tarikh pengeluaran. Anda boleh menikmati ciri *Cover Reset* ini sekali sahaja sepanjang tempoh sijil anda.

Bagaimana Ia Berfungsi?

Azlan, seorang lelaki berusia 40 tahun dan bukan perokok, menyertai AIA Infinite Khazanah dengan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM 10 juta.



⁴ Merujuk kepada Jumlah Perlindungan Asas sebelum pengeluaran separa pertama yang membawa kepada pengurangan Jumlah Perlindungan Asas.

PERCEPATKAN POTENSI KEKAYAAN ANDA DENGAN BONUS KHAS



LOYALTY BONUS

Dapatkan *Loyalty Bonus* yang akan dikreditkan ke dalam Akaun Perlindungan pada akhir setiap tahun sijil ke-10, dengan syarat sijil kekal aktif, dengan semua caruman dibayar terkini, dan tiada pengeluaran dibuat, berdasarkan pilihan pembayaran caruman yang dipilih untuk sijil.

Dibayar pada Tahun Sijil	% daripada Caruman Tunggal / % daripada Caruman Tahunan (Termasuk Caruman A-Plus Infinite Enhancer, jika ada)		
	Pilihan Pembayaran Caruman		
	Caruman Tunggal	5 Tahun	10 Tahun
Setiap selang 10 tahun	8%	40%	80%



MATURITY BONUS

Selain Manfaat Kematangan, *Maturity Bonus* akan dibayar pada akhir tempoh kontrak, dengan syarat sijil kekal aktif, dengan semua caruman dibayar terkini, dan tiada pengeluaran dibuat, bergantung pada tempoh sijil dan pilihan pembayaran caruman yang dipilih untuk sijil.

Tempoh Sijil	% daripada Caruman Tunggal / % daripada Caruman Tahunan (Termasuk Caruman A-Plus Infinite Enhancer, jika ada)		
	Pilihan Pembayaran Caruman		
	Caruman Tunggal	5 Tahun	10 Tahun
< 25 tahun	40%	200%	400%
25 – 39 tahun	60%	400%	600%
≥ 40 tahun	80%	600%	800%



VITALITY BONUS (VB)

Orang Dilindungi digalakkan untuk menyertai keahlian AIA Vitality dan kekal aktif dalam program ini untuk menikmati ganjaran eksklusif.

Vitality Bonus akan diberikandan dikumpulkan setiap tahun berdasarkan Status AIA Vitality Orang Dilindungi pada tiga puluh (30) hari sebelum ulang tahun sijil, dengan syarat semua caruman dibayar terkini, bergantung pada pilihan pembayaran caruman yang dipilih untuk sijil.

Status AIA Vitality	% daripada Caruman Tunggal / % daripada Caruman Tahunan (Termasuk Caruman A-Plus Infinite Enhancer, jika ada)		
	Pilihan Pembayaran Caruman		
	Caruman Tunggal	5 Tahun	10 Tahun
Emas	0.25%	1.25%	2.50%
Platinum	0.50%	2.50%	5.00%

Vitality Bonus terkumpul akan dibayar apabila sijil tamat tempoh akibat kematian/penyakit terminal atau semasa matang, tertakluk kepada peratusan VB maksimum, bergantung pada pilihan pembayaran caruman yang dipilih untuk sijil.

Maksimum VB %	% daripada Caruman Tunggal / % daripada Caruman Tahunan (Termasuk Caruman A-Plus Infinite Enhancer, jika ada)		
	Pilihan Pembayaran Caruman		
	Caruman Tunggal	5 Tahun	10 Tahun
	30%	200%	300%

Nota:

- Tiada *Vitality Bonus* akan diberikan jika status bonus AIA Vitality adalah Gangsa atau Perak.
- Vitality Bonus* **TIDAK** dibayar apabila sijil luput atau diserahkan.

KLIK DI SINI 

untuk Soalan-soalan Lazim
dan Pendedahan

TENTANG AIA PUBLIC TAKAFUL

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) dimiliki bersama oleh AIA Bhd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC Takaful menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik. AIA PUBLIC Takaful komited dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.

HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Jika anda mempunyai sebarang soalan, sila hubungi Perancang Hayat kami.



Ditaja jamin oleh:



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Dikuasakan oleh:

AIA Infinite

Sebahagian dari



Anda juga boleh menghubungi kami di alamat dan talian berikut:

AIA PUBLIC Takaful Bhd. 201101007816 (935955-M)

Menara AIA, 99, Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur

Care Line: 1300-88-1899

Tel : 03-2056 1111

AIA.COM.MY

AIA PUBLIC Takaful Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.